



16 November 2016
16 November 2016
P.U. (B) 471

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

NOTIS MENGENAI SENARAI NILAIAN BAHARU 2017
BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

*NOTICE OF NEW VALUATION LIST 2017 FOR
THE FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

NOTIS MENGENAI SENARAI NILAIAN BAHARU 2017
BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

AMBIL PERHATIAN bahawa menurut seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Perbadanan Putrajaya telah menyediakan suatu Senarai Nilai baharu bagi tahun 2017 bagi semua pegangan berkadar dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya dan salinan Senarai Nilai itu boleh diperiksa di Bahagian Penilaian dan Pengurusan Aset, Jabatan Kewangan, Tingkat 3, Blok D, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, No. 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya pada mana-mana hari bekerja antara waktu 9.00 pagi hingga 4.00 petang mulai 18 November 2016 oleh mana-mana orang yang mengaku pemunya atau penduduk sesuatu pegangan dalam Senarai Nilai itu atau sebagai ejen mana-mana orang itu dan cabutan daripada Senarai Nilai itu boleh dibuat tanpa apa-apa bayaran.

2. Seseorang yang terkilang dengan Senarai Nilai tersebut atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) bahawa sesuatu pegangan yang baginya dia dikenakan kadar dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar;
- (b) bahawa sesuatu pegangan yang dinilai adalah pegangan yang tidak boleh dikenakan kadar;
- (c) bahawa seseorang atau sesuatu pegangan yang sepatutnya termasuk dalam Senarai Nilai itu adalah ditinggalkan daripadanya;
- (d) bahawa sesuatu pegangan adalah dinilai kurang daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar; atau
- (e) bahawa sesuatu pegangan atau pegangan-pegangan yang telah dinilai secara bersama atau berasingan sepatutnya dinilai secara lain,

boleh membuat bantahan secara bertulis selewat-lewatnya pada 17 Disember 2016 kepada Presiden Perbadanan Putrajaya di Bahagian Penilaian dan Pengurusan Aset, Jabatan Kewangan, Tingkat 3, Blok D, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, No. 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.

Bertarikh 7 November 2016
[PPj/16); PN(PU2)328A/XXVIII]

DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL
Presiden Perbadanan Putrajaya

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

NOTICE OF NEW VALUATION LIST 2017 FOR
THE FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA

TAKE NOTICE that pursuant to section 137 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Perbadanan Putrajaya has prepared a new Valuation List for the year 2017 of all holdings in the Federal Territory of Putrajaya and copies of the Valuation List can be inspected at the Valuation and Asset Management Division, Finance Department, Level 3, Block D, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, No. 24, Persiaran Perdana, Precinct 3, 62675 Putrajaya on any working day between 9.00 a.m. until 4.00 p.m. from 18 November 2016 by any person claiming to be either the owner or occupier of a holding included in the Valuation List or an agent of any such person and extracts may be made from the Valuation List without any charge.

2. Any person aggrieved with the new Valuation List on any of the following grounds:

- (a) that a holding for which he is rateable is valued beyond its rateable value;
- (b) that a holding valued is not a rateable holding;
- (c) that any person who, or any holding which ought to be included in the Valuation List is omitted therefrom;
- (d) that a holding is valued below its rateable value; or
- (e) that a holding or holdings which have been jointly or separately valued ought to be valued otherwise,

may make objection in writing at any time not later than 17 December 2016 to the President of Perbadanan Putrajaya at the Valuation and Asset Management Division, Finance Department, Level 3, Block D, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, No. 24, Persiaran Perdana, Precinct 3, 62675 Putrajaya.

Dated 7 November 2016
[PPj/16); PN(PU2)328A/XXVIII]

DATUK SERI HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL
President of Perbadanan Putrajaya